

HASiL/2026/06/12 - 33

HASiL PERKASA PENDIGITALAN URUSAN CUKAI SUBSEKSYEN 44(6)

MULAI 15 JUN 2026

CYBERJAYA, 12 JUN 2026 – Selaras dengan usaha memperluas penyampaian perkhidmatan digital, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melancarkan sistem e-Derma bagi memudahkan urusan permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang boleh diakses oleh **Institusi atau Organisasi (IO)** menerusi portal MyTax sejak 20 Ogos 2025.

Semua permohonan baharu kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP yang melibatkan IO hendaklah dikemukakan **secara mandatori melalui sistem e-Derma mulai 15 Jun 2026**. Penggunaan sistem ini membolehkan permohonan dibuat secara dalam talian pada bila-bila masa tanpa perlu hadir ke pejabat HASiL atau mengemukakan dokumen secara fizikal, sekali gus meningkatkan kecekapan proses semakan dan kelulusan.

Bagi permohonan baharu kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP oleh **Tabung atau Institusi/ Organisasi/ Tabung (IOT) yang melantik Wakil Cukai atau Ejen Cukai** untuk urusan permohonan kelulusan ini, pengemukakan borang manual berserta

dokumen sokongan perlu dibuat secara dalam talian. Permohonan melalui sistem e-Derma akan diperluaskan kepada kategori ini pada fasa berikutnya.

Selain permohonan baharu, HASiL turut menyediakan kemudahan dalam talian bagi urusan lanjutan tempoh kelulusan, pengemukaan dokumen seperti Penyata Kewangan Beraudit dan Borang Semakan Kendiri serta pindaan maklumat berkaitan IOT.

Bagi memanfaatkan kemudahan tersebut, pengguna boleh mengakses perkhidmatan ini dengan mengikuti panduan mudah berikut:

- a) Layari portal HASiL di <https://www.hasil.gov.my>;
- b) Klik **Menu Perkhidmatan > Institusi / Organisasi / Tabung > Perkhidmatan Atas Talian**; dan
- c) Rujuk **Manual Pengguna sistem e-Derma** di portal MyTax melalui **Menu > Panduan Pengguna > Manual Pengguna e-Derma** bagi panduan pengisian.

Pendigitalan urusan cukai ini dijangka mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan HASiL melalui proses semakan dan kelulusan yang lebih pantas, pengurusan dokumen yang lebih teratur serta akses perkhidmatan yang lebih mudah dan fleksibel kepada IOT. Langkah ini juga selaras dengan usaha berterusan HASiL untuk memperkasa ekosistem percukaian digital yang lebih cekap, telus dan mesra pelanggan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000/ 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 12 Jun 2026